Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Asean berjaya menarik minat dunia—Ghaz.

● TAN SRI GHAZALI SHAFIE

SUBANG, Sabtu — ASEAN berjaya menarik perhatian dunia terhadap masalah ekonomi dunia berhubung pasaran bebas yang kini didorong ke satu krisis yang membimbangkan.

ASEAN juga berjaya menyedarkan negara-negara rakan berdialog terhadap bahaya yang wujud sekiranya satu penyelesaian pasaran bebas ekonomi dunia tidak dapat diatasi.

Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie berkata, sekiranya pendekatan baru tidak diambil, sistem ekonomi akan terikat kepada satu keadaan yang tidak sihat.

Bercakap kepada para pemberita sekembalinya dari Singapura setelah menghadiri Persidangan Para Menteri ASEAN ke 15 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di sini, beliau berkata, cara mengubatnya bukanlah dari luar. Ia tidak dapat menyembuhkan penyakit teras.

Sebaliknya, tegas Tan Sri Ghazali, seluruh sistem itu hendaklah diberi perhatian. Menguat dan mengukuhkan ekonomi negara-negara tertentu tidak dapat menyelesaikan masalah tanpa keseluruhan sistem itu diambil kira.

"Itulah sebabnya ketidakadilan berlaku dalam pengagihan modal, kepakaran dan barang-barang mentah kerana tidak ada suatu formula ke arah matlamat tersebut," ujarnya.

Beliau berkata, dengan tidak ada wujudnya formula itulah, Malaysia mendapati sukar untuk mendapatkan pasaran getah dan bijih dengan harga yang adil.

Tegasnya, itulah sebabnya banyak negara-negara yang menarik diri dari pasaran bebas ekonomi dunia.

Tan Sri Ghazali berkata dalam dialog dengan wakil-wakil Amerika Syarikat, New Zealand, Australia dan Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC), banyak saranan dan pertanyaan yang diterimanya.

"Ini menunjukkan mereka mempunyai minatuntuk minat untuk mengetahui saranan yang dibangkitkan," ujarnya.

Difahamkan, cadangan yang disuarakan oleh Tan Sri Ghazali akan dibawa ke Amerika Syarikat dan negara-negara lain untuk dibincangkan.

Tan Sri Ghazali berkata adalah tidak benar bahawa beliau dan ASEAN amnya tidak menaruh minat terhadap isu Kampuchea kerana beliau tidak langsung menyentuh soal itu.

Tan Sri Ghazali menjelaskan, rakan sejawatnya dari Thailand, Ketua Marshal Udara, Siddhi Savetsila telah menyentuh perkara tersebut secara menyeluruh dan tidak guna kami menyentuhnya lagi kerana pendirian ASEAN adalah sama.

"Kami membahagi-bahagikan pandangan kami di mana saya menumpukan perkara filosofi dan konsep ekonomi dunia sementara yang lain menyentuh soal-soal yang mempunyai kepentingan lain," katanya.

Menteri Luar itu juga menolak dakwaan bahawa Malaysia berhasrat keluar dan pasaran bebas dunia dan akan menjalankan perniagaan secara kartel.

"Itu adalah tuduhan tidak wajar. Kita ingin mengukuhkan pasaran bebas dan bukan melarikan diri," tegasnya.

Beliau juga menafikan bahawa Malaysia ingin menarik diri dari perjanjian kenam Timah Antarabangsa (ITA).

"Saya tidak berkata begitu. Apa yang saya katakan ialah kami mengkaji. Mengkaji tidak bermakna kita akan menarik diri walaupun jawapannya boleh jadi ia atau tidak," jelasnya lagi.

Bagaimanapun, Tan Sri Ghazali berkata, rundingan mengenai perkara tersebut masih lagi diteruskan hingga ke hari ini antara Thailand dan Indonesia.

Beliau juga berkata rundingan lanjut mengenai perkara lain akan diteruskan dengan Australia dan New Zealand tidak lama lagi.

Beliau tidak menghuraikan bentuk rundingan yang dimaksudkan itu.

Tan Sri Ghazali juga memuji Kerajaan Singapura yang telah teliti mengatur persidangan seminggu itu.